

KETOKOHAN IZZ AL-DIN ABD AL-SALAM (577H-660H / 1181M-1262M) DALAM MENDAULATKAN KERAJAAN ISLAM MAMLUK PADA ABAD KE-12 MASIHI

Noraini Mohamad¹
Siti Zaleha Ibrahim²

ABSTRAK

Penulisan ini mengkaji tentang ketokohan ulama Izz al-Din Abd al-Salam (660H) dalam mendaulatkan kerajaan Islam Mamluk pada abad ke-12 Masihi. Ia bertujuan membantu masyarakat hari ini melihat senario yang berlaku kepada masyarakat pada zaman Mamluk, khususnya selepas kejatuhan Khilafah Islamiyyah di Baghdad, di samping mengenali tokoh ulama yang berperanan pada ketika itu. Peranan utama boleh dilihat dalam usaha membentuk masyarakat supaya kembali mengamalkan ajaran Islam yang sebenar berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Metode yang digunakan adalah metode kepustakaan dengan menggunakan dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi daripada kitab-kitab Turath, manakala data sekunder pula diperolehi daripada buku-buku sejarah, jurnal, tesis dan lain-lain. Hasil kajian mendapati, ulama mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam masyarakat Islam pada ketika itu menyebabkan para pemimpin terpaksa akur dengan kehendak rakyat. Namun keharmonian dapat dicapai apabila ulama dan pemimpin kerajaan Mamluk telah mengadakan penyatuan atau kerjasama yang erat di antara pemimpin dengan ulama sekaligus bertindak sebagai tulang belakang kepada kerajaan yang memerintah. Pada masa yang sama, ulama juga sering menjadi orang perantara kepada pemimpin dengan rakyat bagi menjamin kejayaan sebuah kerajaan Islam.

Kata Kunci: Kerajaan Mamluk, ketokohan, ilmu, sumbangan

ABSTRACT

This research is a study on the scholar Izz al-Din Abd al-Salam (660H) in upholding the sovereignty of the Muslim kingdom of the Mamluk in the 12th century CE. The objective of this composition is to help the community today in observing the scenario affecting the community during the time of the Mamluk, particularly after the fall of the Islamic Caliphate in Baghdad, in addition to

¹ Noraini Mohamad, Sarjana Pengajian Islam (Dakwah & Kepimpinan), Sarjana Muda Usuluddin (Hadith & Ulum al-Hadith), Pensyarah di Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia, norainimohamad@kuis.edu.my

² Siti Zaleha Ibrahim, Sarjana Fiqh & Usul al-Fiqh, Sarjana Muda Fiqh & Usul al-Fiqh, Pensyarah di Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia, sitizaleha@kuis.edu.my

identifying the scholar figure who played the role during that time. The main role can be identified in the effort to reform the community towards practicing the teachings of Islam based on al-Quran and al-Sunnah. The methodology used is library research utilizing two types of data, which are primary data and secondary data. Primary data is obtained from Turathworks, while secondary data is gleaned from historical works, journals, theses and others. This research finds that religious scholars exerted tremendous influence upon the Muslim community during that time that obliged leaders to submit to the demands of the people. In spite of that, harmony was achieved after the religious scholars and the leaders of the Mamluk kingdom unite in a strong cooperative that becomes the backbone of the ruling government. Concurrently, the religious scholars frequently become the intermediary between the ruler and the subjects in guaranteeing the success of a Muslim kingdom.

Key words: Mamluk Kingdom, personality, knowledge, contribution

1.0 Pendahuluan

Sumbangan ulama dilihat sangat ketara terutama dalam mengubah corak pemikiran dan pembentukan sikap dalam kalangan umat Islam pada zaman Mamluk (1250M-1517M). Selain itu mereka juga dilihat mampu menyelami pelbagai persoalan yang menghantui pemikiran masyarakat melalui penyebaran dakwah Islamiah. Ini berikutan kemunculan mereka ketika kemelut yang melanda umat Islam ekoran kejatuhan khilafah Islamiyyah di Baghdad yang mana telah menjadikan corak kehidupan umat Islam berubah sama sekali dan kehadiran ulama dianggap mampu mengubah suasana kehidupan masyarakat pada ketika itu. Izz al-Din Abd Salam (660H/1262M) merupakan salah seorang tokoh ulama yang sangat berperanan khususnya pada era kejatuhan khilafah Islamiyyah di Baghdad pada tahun 1258M yang sebenarnya telah membawa kepada kebangkitan kerajaan Mamluk di Mesir.

2.0 Kemunculan Kerajaan Mamluk

Pemerintahan kerajaan Mamluk bermula pada tahun 648H-923H bersamaan 1250M-1517M. Ahli sejarah telah membahagikan kerajaan Mamluk kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan pertama dinamakan Mamluk Bahriy (648H-792H/1250M-1382M), manakala kumpulan yang kedua dinamakan Mamluk

Jarakisah atau lebih dikenali dengan Burjiy (792H-923H/1382M-1518M) (Mahmud Shakir 1991:35). Mamluk atau Mamalik merupakan perkataan bahasa Arab yang bermaksud hamba iaitu seorang yang tidak memiliki atau menguasai kebebasan dan kemerdekaan diri sendiri, malah menjadi milik orang lain (al-Arusiy 1998:169). Menurut catatan A.Latiff Osman, bangsa Mamluk adalah bangsa hamba belian yang dibawa dari Asia-Kecil, Turkistan dan dari Tanah Junani. Mereka dibeli oleh raja-raja Bani Ayyub di pasar *Nuchasah* untuk dilatih menjadi tentera sebagai ganti tentera daripada bangsa Mesir dan Arab, kerana kerajaan Bani Ayyub pada ketika itu tidak mahu tentera mereka dari kalangan bangsa Arab.

Mamluk merupakan golongan hamba yang dibeli dan dilatih untuk berkhidmat kepada sultan dan penguasa. Pemimpin Islam yang pertama mendapatkan khidmat mereka ialah Khalifah Abbasiy al-Ma'mum dan al-Musta'sim. Kemudian diikuti oleh sultan-sultan Bani Tulun, Ikhsyid dan al-Fatimiy (Ali Abdul Halim Mahmud 1993: 280). Seorang Mamluk berasal daripada ibu bapa yang merdeka. Ia berbeza dengan '*abd*' yang bererti hamba sahaya yang dilahirkan oleh ibu bapa yang berstatus hamba yang kemudiannya dijual. Perbezaan yang ketara juga dapat dilihat melalui warna kulit, Mamluk berkulit putih manakala '*abd*' berkulit hitam. Kaum Mamluk juga berasal dari suku kaum yang berbeza dan ia dikumpulkan dari pelbagai tempat. Seorang Mamluk dewasa adalah orang yang bebas dan tidak lagi menjadi 'budak' tuannya sehingga keturunan Mamluk tidak lagi dianggap Mamluk sultan, bahkan ia telah menjadi individu yang bebas dan merdeka (Ensiklopedia Islam 2, 2003:217). Sewaktu pemerintahan kerajaan Ayubiyah yang berpusat di Mesir, golongan Mamluk telah ditempatkan di sebuah kubu tentera di Pulau Raudah pada tahun 638H. Sultan al-Malik al-Salih Najm al-Din Ayyub adalah raja Bani Ayyub yang pertama membeli hamba dari kalangan Mamluk dalam jumlah yang ramai sehingga mencecah jumlah 12,000 orang (Mahmud Shakir 1991: 36). Di samping itu, beliau juga telah menyerahkan jawatan-jawatan penting kepada orang-orang Mamluk sehingga berlaku

rampasan kuasa secara besar-besaran oleh orang-orang Mamluk pada tahun 1250M (A. Latiff Osman 1969: 105).

Menyaksikan era kejatuhan Khilafah Abbasiyyah di Baghdad sudah pasti mengundang kepedihan dalam hati seluruh umat Islam pada ketika itu, namun ia sedikit sebanyak mampu mengubat hati umat Islam apabila kerajaan Islam Mamluk mula bertapak di bumi Mesir. Era pemerintahan kerajaan Mamluk dilihat sebagai satu momentum kepada umat Islam selepas mampu mengalahkan serangan yang dilancarkan oleh tentera Mongol Tatar. Kerajaan Mamluk muncul ketika dunia Islam bergelut dengan zaman kemusnahan tamadun dan peradabannya, menjadikan kerajaan Mamluk mempunyai semangat juang yang tinggi untuk mempertahankan maruah Islam. Namun kemunculan kerajaan Mamluk seolah-olah tidak disedari, malah tidak banyak diceritakan dalam catatan sejarah Islam, kecuali sedikit sahaja yang bercerita mengenainya.

Selepas kejatuhan Baghdad, tentera Mongol terus mara untuk menakluki seluruh dunia Islam termasuk kerajaan Mamluk yang berkuasa pada ketika itu. Namun percubaan tentera Mongol menakluki kerajaan Mamluk gagal apabila mereka mengalami kekalahan dalam peperangan yang berlaku di Ayn Jalut pada tahun 658 hijrah. Peperangan besar ini dipimpin oleh sultan Mamluk iaitu al-Muzaffar Sayf al-Din Qutuz atau beliau lebih dikenali dengan gelaran sultan Qutuz. Kemenangan ini bukan sahaja dapat mengubah keadaan dan corak politik di rantau tersebut, malah ia juga telah memberi peluang kepada sultan Mamluk yang datang sesudahnya untuk menentang kemaraan tentera Mongol di Syam dan seterusnya menyekat kemaraan mereka di Mesir (Puteh Ishak 1993: 83). Kekuatan fizikal dan mental merupakan faktor utama kemenangan tentera Islam Mamluk dalam peperangan di Ayn Jalut. Ia diakui oleh al-Arusiy (1998:170) dalam penulisannya yang menyatakan bahawa, kekuatan fizikal yang diperolehi melalui latihan ketenteraan di samping mengendalikan peralatan perang sejak dari kecil merupakan faktor terbesar kemenangan berpihak kepada tentera

Mamluk. Selain latihan fizikal, tentera Mamluk juga diajar mendalami ilmu agama sebagai persediaan mental untuk berhadapan dengan tentera musuh.

3.0 Perkembangan Ilmu

Perkembangan ilmu pada zaman Mamluk mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan. Ia berikutan sebahagian besar para ulama telah lari dan menyelamatkan diri di Mesir. Maka berlaku perkembangan ilmu di Mesir dengan kehadiran para ulama dan cendekiawan Islam yang melibatkan pelbagai bidang ilmu. Antaranya ialah sejarah, kedokteran, astronomi, matematik dan ilmu-ilmu agama. Sebagai contoh, ilmuan yang terkenal dalam bidang sejarah seperti Ibn Khallikan (681H) yang menulis buku *Wafayat al-A'yan wa Anba Abna al-Zaman*, *Ibn Khaldun* (808H) pula menulis kitab *al-'Ibar* dan ramai lagi seperti Ibn 'Usaibah (668H), Abu al-Fida' (774H), Ibn al-Taghribirdiy (874H) dan al-Maqriziy (845H) yang terkenal sebagai penulis dalam bidang perubatan.

Ilmu perubatan juga mengalami kemajuan pesat pada zaman Mamluk dengan adanya penemuan-penemuan baru seperti susunan dan peredaran darah dalam paru-paru manusia hasil kajian Abu Hasan Ali Nafis (1288). Beliau merupakan ketua pusat perubatan di Kaherah. Begitu juga psikoterapi yang dirintis oleh al-Raziy (606H) yang telah dikembangkan oleh al-Juma'iy di Mesir. Selain itu, terdapat tokoh-tokoh lain seperti Nasir al-Din al-Tusi (1274) merupakan seorang ahli *observation* dan Abu Faraj Tabariy (1286) yang pakar dalam ilmu matematik (Ensiklopedia Islam 4, 2005: 261).

Ilmu-ilmu agama pula telah mengalami perkembangan yang memberangsangkan. Ini dibuktikan dengan kemunculan para ulama terkenal pada abad tersebut. Antara ulama yang berperanan pada zaman Mamluk ialah Imam Izz al-Din Abd al-Salam (660H) yang terkenal dengan gelaran 'Sultan Ulama', Imam Nawawi (676H), Syeikh al-Islam Imam Ibn Taymiyyah (728H),

Imam Ibn Qaiyyim al-Jauziyyah (751H), Imam al-Mizziy (742H), Imam Ibn Hajar al-'Asqalaniy (852H), Imam al-Dhahabiy (748H), Imam Ibn Jama'ah (733H), Imam Ibn Kathir (774H), Imam al-Maqriziy (845H) dan ramai lagi.

4.0 Suasana Politik

Era pemerintahan kerajaan Mamluk merupakan fasa penting dalam lingkaran sejarah Islam. Ini kerana mereka berjaya membuktikan tentera Islam mampu mempertahankan dunia Islam dari ancaman bangsa Mongol dan berjaya menghapuskan saki baki tentera Salib. Sebagaimana diceritakan oleh Dr. Sulaiman Ibrahim (2005:70) dalam penulisannya menyatakan bahawa, perubahan politik yang berlaku dalam kalangan pemerintah umat Islam selepas kejatuhan Baghdad, di mana setelah Tatar mara ke Syiria dan Palestin, pemerintah-pemerintah di Syiria telah tunduk kepada Hulagu tanpa berperang mempertahankan bumi Islam. Ketundukan ini hanya berakhir apabila kerajaan Mamluk di Mesir telah berjaya mengalahkan Tatar di *'Ayn Jalut* pada tahun 1260M. Kemudian, kerajaan Mamluk telah meletakkan wilayah Syiria keseluruhannya di bawah pemerintahan kerajaan Mamluk (al-'Abadiy 1995:141).

Kesan daripada kejatuhan Kota Baghdad juga, dunia Islam tidak mempunyai khalifah Islam selama tiga tahun setengah. Kekosongan ini amat dirasai oleh umat Islam pada ketika itu. Bertitik tolak dari peristiwa tersebut, salah seorang sultan Mamluk yang dikenali sebagai al-Malik al-Zahir Bebers telah melakukan satu perubahan, di mana beliau telah mengambil keturunan khalifah Bani Abbas di Baghdad yang dilantik menjadi khalifah di Mesir. Proses ini menyebabkan Daulah Abbasiyyah kembali muncul di Mesir dengan adanya khalifah daripada keturunan Bani Abbas dan mereka diberi keistimewaan untuk menjadi khalifah di Mesir sehingga mampu memegang tampuk pemerintahan selama 225 tahun dengan bilangan khalifah seramai 16 orang. Ramai sejarawan berpendapat, perubahan yang dilakukan ini adalah bertujuan menarik perhatian rakyat

terhadap kepemimpinan kerajaan Mamluk, kerana kebanyakan rakyat masih lagi mengimpikan kepemimpinan khalifah sebagaimana yang ada di Kota Baghdad. Walaupun kemunculan khalifah di Mesir tidak berfungsi sebagaimana khalifah yang wujud pada zaman Abbasiyyah, kerana di Mesir sultan yang diketuai Mamluk masih berkuasa, malah ia melewati kuasa seorang khalifah. Namun begitu, kekecewaan dan keperitan yang dialami oleh rakyat terubat dengan kemunculan khalifah di bumi Mesir.

Kepimpinan kerajaan Mamluk telah meletakkan sultan adalah pemimpin tertinggi dan sangat berautoriti. Sultan menaiki takhta berdasarkan pilihan '*amir*' bukannya berdasarkan warisan. Walaupun ada percubaan untuk melaksanakan sistem warisan dari pihak penguasa Mamluk, akan tetapi percubaan tersebut gagal kerana '*amir*' merupakan individu terpenting menggantikan sultan. Organisasi politik pula mempamerkan beberapa kedudukan penting seperti panglima angkatan perang, Khalifah Bani Abbas, *wazir*, para *qadhi* agung daripada empat mazhab serta para *amir*. Manakala ahli majlis mesyuarat dinamakan '*ahl al-syura*' yang dipimpin oleh sultan yang memerintah (Ensiklopedia Dunia Islam 2003:222).

5.0 Peranan 'Izz Al-Din 'Abd Al-Salam (660h) Dalam Kerajaan Mamluk

Penglibatan para ulama dalam menangani permasalahan dan isu-isu semasa yang berlaku pada zaman Mamluk menunjukkan kerjasama yang erat antara pemimpin dan ulama pada ketika itu. Secara tidak langsung, kerjasama erat tersebut telah meraih keuntungan dalam penyebaran dakwah Islamiah sehingga berlaku perubahan yang positif terhadap perkembangan dakwah pada zaman tersebut. Antara ulama yang berperanan secara langsung memacu perubahan dalam kerajaan Mamluk ialah ulama Izz al-Din Abd al-Salam yang lebih dikenali dengan gelaran '*Sultan Ulama*' pada zaman Mamluk.

5.1 Latar Belakang Izz al-Din Abd al-Salam (600H)

Nama sebenar beliau ialah Abd al-Aziz Abd al-Salam ibn Abi al-Qasim ibn Hasan. Dilahirkan pada tahun 577H/1181M di Damsyik. Merupakan seorang ulama fiqh Mazhab Shafie. Beliau mempelajari ilmu fiqh daripada Syeikh Fakhr al-Din ibn 'Asakir (576H) dan Syeikh Sayf al-Din al-Amidiy. Beliau juga pernah diiktiraf sebagai Imam Mujtahid (al-Dhahabiy 1999: 105). Semasa di Damsyik, beliau pernah memegang jawatan sebagai Qadhi. Antara kitab karangan beliau ialah *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, *al-Fawaid Mushkilat al-Quran*, *Majaz al-Quran*, *Tafsir al-Quran* dan *al-Imam fi addilat al-Ahkam*, *al-Farqu baina al-Imam wa al-Islam*, *Mukhtasar Sahih Muslim* dan lain-lain lagi (Ensiklopedia Islam 1998: 77). Izz al-Din juga amat dihormati dan disanjung dalam masyarakat. Ini dibuktikan sewaktu beliau tiba di Mesir dan bertemu dengan al-Malik al-Salih yang merupakan sultan Mesir pada ketika itu, Izz al-Din telah diberi penghormatan dan diminta menyampaikan ucapan (Jamaluddin 2001: 12).

Izz al-Din Abd al-Salam diakui seorang yang sangat alim dan berani memperkatakan kebenaran walaupun di hadapan sultan sehingga beliau terkenal dengan gelaran "*al-'Izz*" yang disanjung sebagai penjual sultan-sultan. Gelaran ini diberikan berikutan Izz al-Din Abd al-Salam telah menjual sultan-sultan yang belum dimerdekakan. Perkara ini dilakukan bagi mengesahkan segala jawatan yang dipegang oleh sultan tersebut. Di samping itu, beliau berperanan dalam menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran dalam kepimpinan kerajaan dan juga masyarakat. Mengakhiri usia beliau bersama-sama dengan kepimpinan kerajaan Mamluk khususnya sewaktu pemerintahan sultan Mamluk yang terkenal iaitu Sultan Sayf al-Din Qutuz pada tahun 1259M-1260M, yang mana turut sama-sama terlibat memberi nasihat dan iringan doa dalam kegawatan peperangan dengan tentera Tatar (al-Mawsu'ah al-'Arabiyy 1999: 97).

Menjelang kewafatan beliau, beliau meminta supaya dibawa ke *Maahad al-Sahiliyyah*, iaitu tempat di mana beliau sentiasa menyampaikan kuliah dan pengajian. Sewaktu berada di sekolah tersebut, beliau telah menghembuskan nafasnya yang terakhir ketika sedang menafsirkan ayat-ayat al-Quran dan umurnya pada ketika itu ialah 83 tahun. Beliau wafat pada 10 Jamadil Awwal 660H/1262M di Mesir dan dikebumikan di qal'ah dan ia turut dihadiri oleh Sultan al-Malik al-Zahir Bebers (al-Dhahabiy 1999:105). Sementara di Damsyik pula, turut diadakan upacara berkabung secara besar-besaran dan seluruh kaum muslimin juga telah melaksanakan solat ghaib bagi memberi penghormatan ke atas kewafatan Izz al-Din Abd al-Salam (al-Sharqawiy 2000:784).

5.2 Suasana Zaman Kemunculan

Zaman pemerintahan kerajaan Ayyubiyah yang dipimpin oleh penguasa al-Ashraff pada ketika itu merupakan zaman kemunculan Izz al-Din Abd al-Salam. Sewaktu beliau menganjak ke usia muda, suasana pemerintahan kerajaan Ayyubiyah sudah mula bergolak dan banyak berlaku kepincangan di merata tempat di Mesir. Pergolakan ini dapat dihidu oleh tentera Salib dan Tatar sekaligus memberi peluang kepada mereka untuk menyerang kerajaan Ayyubiyah. Menyaksikan semua ini, maka Izz al-Din yang masih muda pada ketika itu telah bangkit dan memberi ucapan, kata-kata semangat kepada para pemuda agar berhenti bertelagah sesama sendiri, malah perlu bangkit memperjuangkan agama Islam. Beliau telah menyusun strategi, malah beliau juga telah diberi kepercayaan oleh gurunya dan dilantik sebagai pemimpin kumpulan. Sejak dari peristiwa itu, beliau terkenal sebagai seorang ketua yang mampu membangkitkan semangat umat Islam serta berani menyatakan kebenaran dan kebatilan. Melihat potensi yang ada, beliau telah dilantik menjadi salah seorang guru yang megajar di masjid al-Umawiy di Kota Damsyik (al-Sharqawiy 2000:689).

Begitu juga apa yang berlaku di Kota Mesir, keupayaan Izz al-Din Abd al-Salam menyatakan kebenaran dan berhujah berdasarkan kebenaran al-Quran dan al-Sunnah menyebabkan Sultan Bebers yang memerintah pada ketika itu sangat mengagumi keilmuan dan kewibawaan beliau. Ia terbukti apabila beliau sanggup mendengar nasihat Izz al-Din Abd al-Salam supaya menjemput Abd al-Qasim Ahmad iaitu bapa saudara kepada khalifah Abbasiyyah yang terakhir. Abd al-Qasim merupakan salah seorang keturunan Bani Abbas yang terselamat daripada pembunuhan beramai-ramai oleh tentera Mongol Tatar di Baghdad. Kedatangannya di Mesir adalah untuk diiktiraf kedudukannya sebagai khalifah Bani Abbas yang pertama di Mesir dengan gelaran al-Muntazir Billah (659-660H). Orang yang pertama memperakui pelantikan khalifah tersebut ialah Izz al-Din Abd al-Salam, kemudian diiringi oleh Sultan Bebers dan ketua qadhi Tajuddin serta para pembesar dan para syekh (Abu al-Hasan 1997: 200). Peristiwa ini membuktikan penghormatan, perhatian dan sokongan yang diberikan oleh sultan Mamluk kepada Izz al-Din Abd al-Salam, sekaligus meraikan jasa dan pendapat beliau sebagai seorang ulama.

5.3 Sumbangan Izz al-Din Abd al-Salam

Izz al-Din Abd al-Salam merupakan salah seorang ulama yang banyak memberikan sumbangan dalam pemerintahan kerajaan Islam khususnya kerajaan Ayyubiyyah (567-648H) dan kerajaan Mamluk (1250-1517M). Antara sumbangan yang diberikan ialah:

5.3.1 Melakukan kerjasama erat di antara pemimpin dan ulama

Era pemerintahan kerajaan Mamluk dimulai dengan pemerintahan Shajarat al-Dur (648H), yang kemudiannya diikuti oleh Izz al-Din Aybak (648H), Nur al-Din Ali (655H), Safy al-Din Qutuz (657H), seterusnya al-Malik al-Zahir Bebers (658H). Apa yang pasti, kelima-lima pemimpin ini sempat menyaksikan ketokohan Izz al-

Din Abd al-Salam yang menjalankan kehidupannya sebagai seorang ulama yang disegani. Awal pemerintahan kerajaan Mamluk menyaksikan pelbagai masalah yang membelenggu kerajaan dari pelbagai sudut sama ada ekonomi, sosial dan politik. Peperangan demi peperangan sentiasa berlaku sehingga kepada siri peperangan di *'Ayn Jalut* yang menyaksikan pertembungan antara Tatar dengan tentera Mamluk.

Satu peristiwa yang membuktikan ketokohan Izz al-Din Abd al-salam ialah sewaktu Sultan Qutuz menghimpunkan pemimpin, ulama dan rakyat dan memutuskan untuk mengenakan cukai yang tinggi ke atas rakyat bagi menampung perbelanjaan yang besar menjelang peperangan melawan tentera Tatar. Keputusan tersebut telah dipersetujui oleh semua pemimpin kecuali Izz al-Din Abd al-Salam. Keputusan ulama pada ketika itu sangat diberi perhatian kerana ulama sangat berpengaruh dalam kalangan rakyat. Cadangan tersebut ditolak dan beliau bangun menyampaikan ucapan dengan menyatakan bahawa, jika datang musuh ke dalam negara, maka wajib ke atas semua memerangi mereka dan harus diambil daripada rakyat apa-apa yang boleh membantu untuk jihad dengan syarat jika sudah tiada sedikit pun harta di Baitulmal (al-Dhahabiy 1999: 10, 45).

Pada masa yang sama, beliau juga memberi cadangan bagi menampung kos peperangan, semua harta simpanan dalam perbendaharaan negara seperti senjata kebanggaan, lampu emas dan perak serta barang-barang berharga yang lain dikeluarkan, di samping menjual kekayaan serta perhiasan yang berharga yang terdapat di Istana. Begitu juga kuda-kuda tunggangan para pembesar perlu dibataskan penggunaannya dan mereka perlu bersama-sama dengan tentera yang lain memerangi pihak musuh. Sebaik mendengar cadangan tersebut, maka Sultan Qutuz menerima baik cadangan tersebut dan meyakini kebenaran yang ada padanya (al-Sharqawiy 2000: 780). Dengan persetujuan ini, maka termeterai kerjasama erat di antara pemimpin dengan ulama demi kebaikan rakyat.

Peristiwa ini menunjukkan sumbangan serta pengorbanan besar yang ditunjukkan oleh Izz al-Din Abd al-Salam kepada rakyat.

5.3.2 Tempat rujukan dan nasihat

Izz al-Din Abd al-Salam merupakan salah seorang ulama yang menjadi tempat rujukan kepada pemimpin dan juga rakyat. Sebagaimana peristiwa kedatangan amir dan penguasa menemui Izz al-Din meminta nasihat bagi menyelesaikan masalah dan melahirkan rasa kluatir terhadap rakyat yang tidak suka kepada pemimpin. Izz al-Din terus menasihati penguasa tersebut dengan mengatakan, hindarkan dari kejahatan dan kezaliman serta perbuatan-perbuatan yang tidak disenangi oleh rakyat. Jika ini dilakukan pasti rakyat akan menyenangi dan menyayangi pemimpin dan mereka akan melakukan taat setia (Umar Hasyim 1998: 186).

Menyedari masalah ini yang biasa dihadapi oleh pemimpin, maka beliau berfatwa dengan mengatakan, penguasa amat diperlukan dalam menegakkan syariat. Oleh itu jika rakyat mempunyai penguasa atau sultan ia wajib ditaati, jika tidak hukum menjadi lumpuh. Akan tetapi, jika penguasa tidak melakukan ketaatan kepada Allah S.W.T, mengorbankan kemaslahatan kaum muslimin dan memerintahkan penderhakaan kepada Allah S.W.T, maka ia sama sekali tidak wajib ditaati (al-Sharqawiy 2000: 732). Pada masa yang sama, Izz al-Din Abd al-Salam juga sentiasa memberi dorongan dan semangat kepada rakyat Mesir supaya keluar berperang melawan pihak musuh. Seruan ini diucapkan dalam setiap khutbah yang disampaikan dengan penuh semangat. Beliau dengan penuh keyakinan memberi jaminan dengan nama Allah S.W.T, bahawa kemenangan akan berpihak kepada orang-orang Islam (Ali Tantawi 1990: 238).

5.3.3 Memikul amanah sebagai Qadhi Besar di Mesir

Sebelum memegang jawatan Qadhi Besar di Mesir, Izz al-Din diberi kepercayaan untuk memegang jawatan qadhi di Damsyik semasa pemerintahan kerajaan Ayyubiyah. Kedatangan beliau ke Mesir sangat diraikan oleh rakyat Mesir dan juga pemimpin kerajaan Mamluk sehingga beliau diberi jawata agung sebagai Qadhi Besar di Mesir. Disebabkan keilmuan beliau, ramai dari kalangan rakyat dan penguasa menemui beliau untuk meminta fatwa nasihat untuk menyelesaikan masalah (Umar Hasyim 1998: 191). Selain Qadhi besar, beliau juga dilantik sebagai Imam Agung di Masjid 'Amr ibn al-'As yang didirikan pada zaman kekuasaan Salahuddin al-Ayubbi untuk menggantikan Universiti al-Azhar sebagai pusat menyampaikan pelbagai ilmu (Abu al-Hasan 1997: 194). Al-Azhar dihentikan aktiviti sewaktu pemerintahan Salahuddin al-Ayyubi kerana beliau amat memerangi golongan Syiah yang bertanggungjawab menubuhkan al-Azhar pada ketika itu. Setelah menjadi Imam Agung di masjid tersebut, beliau banyak mengeluarkan fatwa berdasarkan kefahaman ilmu secara mendalam sehingga beliau diberi jawatan mufti atau lebih dikenali dengan jawatan Ketua Hakim di Mesir (al-Sharqawiy 2000: 750).

Melalui pelantikan wakil-wakil ini, Izz al-Din Abd al-Salam mendapati ramai dalam kalangan pembesar dan panglima terdiri daripada orang-orang luar yang dibeli oleh sultan untuk menjadi tentera dan penguasa di Mesir. Mereka yang dimaksudkan ialah orang-orang Mamluk pada awal penempatan mereka di Mesir. Jika dilihat dalam ajaran Islam, sebagaimana dibahaskan oleh al-Subkiy (1999:360), seseorang yang bergelar hamba atau masih tidak merdeka tidak dibenarkan untuk menjalankan sebarang urusan dalam muamalat serta memegang sebarang jawatan. Tetapi apa yang berlaku di Mesir ketika ini, orang-orang Mamluk yang dibeli sultan dan masih belum dimerdekakan bebas melakukan apa sahaja sama seperti orang yang merdeka. Mereka berkahwin, melaksanakan jual beli dan sebagainya lagi.

Menyedari perkara ini, Izz al-Din telah menyatakan hukum yang sepatutnya dikenakan ke atas mereka sekaligus membatalkan semua urusan jual beli, sewa

menyewa, akad dan sebagainya lagi ke atas orang-orang Mamluk. Keputusan yang dibuat oleh Izz al-Din telah mengundang pelbagai spekulasi menyebabkan Izz al-Din menghadapi pelbagai dugaan serta halangan terutama daripada pihak yang cuba memujuk Izz al-Din supaya menarik balik fatwa yang telah dikeluarkan. Namun Izz al-Din tetap dengan keputusannya dan cuba menyatakan kebenaran walaupun ia sukar diterima oleh bangsawan Mamluk. Menyedari kebenaran yang dinyatakan oleh beliau menyebabkan bangsawan Mamluk terpaksa menerima keputusan yang telah ditentukan untuk mereka. Izz al-Din telah menjalankan tanggungjawabnya dengan penuh amanah apabila beliau telah mengumpulkan semua bangsawan, penguasa dari kalangan Mamluk lalu dipersembahkan kepada hadirin yang hadir untuk menjalankan jual beli bangsawan Mamluk supaya menjadi golongan yang merdeka dan layak memerintah negara (al-Sharqawiy 2000: 751). Akhirnya bangsawan Mamluk telah dibeli oleh sultan dengan harga yang tinggi dan mereka dimerdekakan demi mendapat keredhaan Allah S.W.T. Duit hasil jual beli hamba tersebut telah disedekahkan oleh Izz al-Din kepada fakir miskin yang memerlukan. Dengan terlaksananya proses jual beli tersebut, maka Izz al-Din telah mengesahkan dan mengumumkan bahawa golongan Mamluk merupakan orang yang merdeka dan setiap tindakan mereka adalah sebagai seorang Islam yang merdeka. Bermula dari hari itu, Izz al-Din terkenal dengan gelaran penjual sultan (Abu al-Hasan 1997: 198).

5.3.4 Melaksanakan amar ma'ruf nahi munkar

Pada zaman pemerintahan al-Malik al-Salih Najm al-Din Ayyub, telah berlaku satu perubahan dalam perkembangan dakwah Islamiah. Disebabkan perbuatan maksiat seperti minum arak, berjudi dan sebagainya lagi berleluasa di bumi Mesir, Izz al-Din telah menegur al-Malik yang memerintah pada ketika itu yang dilihat tidak berperanan untuk menegur kemaksiatan yang berlaku. Apabila ditegur, al-Malik al-Salih menjawab bahawa perkara itu sudah biasa dilakukan oleh masyarakat sejak zaman sebelumnya lagi. Tetapi Izz al-Din tidak berputus

asa malah bertegas menyuarakan kebenaran dan menggesa supaya kemaksiatan itu perlu ditegah. Kewibawaan yang ditonjolkan oleh Izz al-Din menyebabkan al-Malik al-Salih yang memerintah pada ketika akur dan melaksanakan kewajipan tersebut iaitu mencegah kemungkaran yang berlaku (al-Subkiy 1999: 356).

Selain memegang jawatan dalam kerajaan, Izz al-Din juga amat sibuk dengan urusan hariannya yang padat dengan khutbah, memberi fatwa, menetapkan keputusan dalam berhukum dengan nas al-Quran dan al-Sunnah. Pada masa yang sama, beliau juga giat mengarang kitab-kitab yang menjadi rujukan umat Islam sehingga sekarang. Salah satu keistimewaan yang ada pada Izz al-Din apabila beliau tidak pernah berhenti mengingatkan umat Islam supaya sentiasa mencegah kemungkaran dan menggesa supaya berbuat kebaikan walaupun beliau dikecam (al-Sharqawiy 2000:757). Kenyataan ini disokong oleh al-Dhahabiy (1999:225) yang menyatakan dalam karangannya, Izz al-Din merupakan seorang ulama yang tegas dalam menyatakan yang ma'ruf dan menegah sebarang bentuk kemungkaran.

Ulama yang banyak berjasa sudah pasti dikenang umat sepanjang zaman, begitu juga yang berlaku kepada Izz al-Din di saat kewafatan beliau. Sebagaimana yang dikisahkan oleh al-Dhahabiy (1999: 105) dalam karangannya, beliau menyatakan terlalu ramai umat Islam yang hadir sewaktu pengebumian beliau untuk memberi penghormatan terakhir. Pengaruh dan ketokohan yang dimiliki oleh Izz al-Din Abd al-Salam menyebabkan Sultan al-Malik al-Zahir Bebers yang turut sama menyertai majlis pengebumian beliau bangun berucap di hadapan pembesar Mesir dengan katanya, "hari ini tertegaklah kuasaku sebagai pemerintah kerana Syeikh Izz al-Din Abd al-Salam telah kembali ke rahmatullah, jika dia masih hidup dan dikeluarkan arahan kepada rakyat menentang aku, nescaya dapat dirampasnya kuasaku dengan senang." Kata-kata ini membuktikan bahawa Izz al-Din mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam kalangan rakyat sehingga melewati pengaruh seorang pemimpin atau sultan.

6.0 Kesimpulan

Ambang kejatuhan Khilafah Abbasiyyah di Baghdad menyaksikan kemunculan kerajaan Islam Mamluk di bumi Mesir tanggal 1250 Masihi iaitu lapan tahun sebelum kejatuhan Khilafah Islamiyyah. Kemunculannya bukan sahaja memberi nafas baru kepada umat Islam yang menderita kesan daripada kejatuhan Kota Baghdad pada ketika itu, bahkan ia juga menjadi penyelamat kepada kerakusan serangan tentera Mongol Tatar. Apabila tentera Mongol Tatar terus melancarkan serangan dan berhasrat untuk menakluki negara Islam pada ketika itu, kerajaan Mamluk yang diketuai oleh Sultan Qutuz telah menyusun strategi untuk menghalang serangan mereka sekali gus melenyapkan kekuasaan yang ditakluki mereka. Strategi ini akhirnya berkesan apabila tentera Mongol Tatar dapat dikalahkan dalam satu peperangan yang berlaku di *'Ayn Jalut* yang bukan sahaja menyaksikan kemenangan tentera Islam, bahkan ia telah mengembalikan semula maruah Islam yang tercalar akibat kekalahan dalam serangan terhadap Kota Baghdad.

Namun di sebalik kejayaan kerajaan Mamluk memimpin tenteranya, di sana terdapat peranan dan sumbangan yang cukup besar yang diberikan oleh rakyat khususnya para ulama. Antara ulama yang banyak memberi sumbangan terhadap kejayaan kerajaan Mamluk ialah ulama Izz al-Din Abd al-Salam. Izz al-Din Abd al-Salam merupakan ulama yang sempat menyaksikan tiga fasa pemerintahan iaitu kerajaan Fatimiyyah, Ayyubiyyah dan Mamluk. Melalui pengalaman berada dalam ketiga-tiga fasa pemerintahan ini menyaksikan beliau kaya dengan pengalaman dan keilmuan. Ketokohan Izz al-Din Abd al-Salam amat terserlah dalam pentadbiran kerajaan Mamluk khususnya yang melibatkan sebarang keputusan penting yang perlu dibuat agar tidak memberi kesan negatif kepada rakyat dan juga negara. Pada masa yang sama, beliau juga terlibat dalam urusan kehakiman dan pentadbiran sekali gus bertindak sebagai pakar

rujuk kepada semua umat Islam pada ketika itu. Peranan sebagai ulama juga tidak dikesampingkan apabila beliau bergerak aktif menyampaikan ilmu-ilmu Islam di merata tempat dengan menyampaikan khutbah, talaqqi, memberi fatwa, mengajar dan sebagainya lagi. Keperibadian yang mulia serta sumbangan besar yang diberikan kepada negara dan rakyat menjadikan beliau seorang ulama yang amat disegani.

Rujukan

- Abu al-Hasan, Nadwiyy. 1997. *10 Tokoh Mengubah Dunia*. Terj. Abu Salahuddin. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Ali Tantawiy. 1411H/1990M. *Rijal Min al-Tarikh*. (Ed, 8). Jeddah: Dar al-Manarah.
- Al-Dhahabiy, Shams al-Din Muhammad. 1419H/1998M. *Zayl, Tarikh al-Islam*. Al-Sa'udiyah: Dar al-Mughniyy.
- Al-Dhahabiy, Shams al-Din Muhammad. 1414H/1994M. *Siyar A'lam an Nubala'*. Jil(13). Ed. 10. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Dhahabiy, Shams al-Din Muhammad. 1419H/1999M. *Tarikh al-Islam, wa Wafayat al-Mashahir wa al-'Alam*. Beirut: Dar al-Kutub.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail. 1411H/1990M. *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Jil(13). Beirut: Maktabat al-Ma'arif.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail. 2005. *Sejarah Tamadun Islam*. Terj. Ahmad Nasir Mohd Yusoff Haris Yunus. Jil(13&14). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ibn Muqaffa. 1998. *Ensiklopedia Islam*. Jil(5). Kuala Lumpur: Pusat Penyelidikan Ensiklopedia Malaysia.
- Latiff Osman. A. 1969. *Ringkasan Sejarah Islam*. Jakarta: Widjaya.
- Mahmud Shakir. 1411H/1991M. *al-Tarikh al-Islamiyy*. Jil(7). Beirut: Maktabat al-Islamiyy.
- Al-Matwiy, Muhammad al-'Arusiy. 1998. *Perang Salib di alam Islam, muslihat bangsa Eropah untuk menghancurkan Islam*. Terj. Ahmad Asri Lubis. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Puteh Ishak. 1993. *Ibn Taymiyyah, Sejarah Hidup dan tasawuf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Al-Subkiy, Taj al-Din Abi Nasr 'Abd al-Wahab. 1420H/1999M. *Thabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*. Jil(4). Beirut: Dar al-Kutub.
- Sulaiman Ibrahim. 2005. *Manhaj Dakwah al-Syaykh Ibn Ata' Allah al-Sakandariy dan Pengaruhnya di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Sharqawiy, 'Abd al-Rahman. 2000. *Riwayat Sembilan Imam fiqh*. Terj. Al-Hamid al-Husaini H.M.H. Bandung: Pustaka Hidayah.
- Umar Hasyim. 1998. *Mencari Ulama Pewaris Nabi*. Indonesia: Dakta.
- Al-Umriy, 'Abd al-Aziz. 1418H/1997M. *al-Futuh al-Islamiyyah abra al-'Usur*. Riyadh: Markaz al-Dirasat wa al-'Alam.
- _____.1999. *al-Mawsu'ah al-Arabiyyah al-'Alimiyyah*. Jil(16). Riyadh: Kingdom of Sa'udiy 'Arabia.
- _____. 2004. *Ensiklopedia Islam*. Jil(5). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.